

## KERATAN AKHBAR

**JUDUL : Portal Diraja Pahang**

**TARIKH : Jumaat, 12 Januari 2018**



January 12, 2018 Berita Semasa Pentadbir

KUALA LUMPUR. 11 Januari 2018 Bersamaan 23 Rabiulakhir 1439H – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan menyempurnakan pelancaran buku Istana Pahang: The Palace of Pahang terbitan Universiti Putra Malaysia (UPM Press) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini, hari ini.

Buku berkenaan merupakan hasil tulisan Orang Besar Istana Pahang, Datuk Sri Halim Ibrahim dan pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dato' Dr Norhasni Zainal Abidin. Ia berkisarkan mengenai Istana Pahang sebagai sebuah monumen kebesaran raja-raja dan menjadi lambang kemegahan tamadun bangsa serta peradaban Melayu yang tersohor. Diterbitkan pada Oktober tahun lalu, buku setebal 408 halaman itu boleh didapati di kedai buku terpilih pada harga RM500 setiap satu.

Tengku Abdullah dalam titah mewakili ayahandanya Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah menzahirkan rasa terharu dengan usaha yang telah dilakukan oleh semua pihak terutamanya Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya mewakili ayahanda serta seluruh keluarga Diraja Pahang rasa bangga dengan usaha penerbitan buku ini yang mengangkat tema Istana Pahang dalam menjelaskan secara lebih terperinci mengenai peranan dan fungsi institusi Diraja melalui pengumpulan bahan oleh pakar ilmiah.

“Saya dapat lihat betapa riang (gembira) dan komited berkenaan tujuan terbitnya buku ini dan berterima kasih kepada semua pihak terlibat. Saya juga berkesempatan untuk lihat dan meneliti (buku)...ada yang baik dan ada sebaliknya, tapi selagi kita bergelar manusia pasti ada kelemahannya. Segala yang baik datangnya dari Allah SWT,” titah baginda.

Tengku Abdullah dalam titahnya turut menyentuh berkenaan taraf Institusi Diraja yang diremehkan oleh segelintir golongan yang tidak menghormati malah sengaja menjejaskan imej Institusi Diraja melalui kenyataan buruk yang disebar.

“Isu ini berkait rapat dengan sanubari saya dan seluruh ahli keluarga Diraja yang berkhidmat dan mendekati rakyat tanpa mengira siapa. Namun, ada pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan sengaja salah tafsir dengan kemesraan yang diamalkan ketika bertemu

sesiapa sahaja. Ia bukan satu perkara yang mudah untuk mewujudkan sebuah 'ekosistem sempurna' dalam mentadbir sebuah negeri malah juga negara.

"Berilah hormat yang sewajarnya kepada Institusi Diraja, jika kita terutamanya orang Melayu tidak ambil tahu dan tidak hormat, siapa lagi (yang akan pertahan Institusi Diraja?)," titah baginda.

Sementara itu, pada majlis sama Tengku Abdullah turut bercemar duli merasmikan Revisit Pahang 2018 yang merupakan kesinambungan kepada kejayaan usaha Pelancongan Negeri Pahang mencatat peningkatan jumlah pelancong ke negeri ini.

"Saya difahamkan, negeri Pahang mencatat peningkatan jumlah kedatangan pelancong yang memberangsangkan iaitu daripada 12.8 juta pelancong pada 2016 kepada 14.8 juta pelancong pada 2017.

"Ia menjadi bukti bahawa Pahang menjadi antara destinasi pilihan pelancong dari dalam dan luar negara. Jadi, usaha selanjutnya ialah perlu membuat satu lonjakan yang besar untuk tarik lebih ramai pelancong.

"Kerja-kerja promosi, penyediaan lebih banyak destinasi unik yang berpotensi menarik minat pelancong ke negeri ini amat perlu termasuk hubungkait sesebuah lokasi pelancongan dengan sejarah atau 'storyline' tempat berkenaan," titah baginda.

Hadir sama, YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Hj Adnan Hj Yaakob, YAM Tengku Puteri Seri Lela Manja, Tengku Dato' Hajjah Nong Fatimah binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Dato' Rashidi Hasbullah dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsuddin.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Dato' Sri Haji Ismail Mohd Said, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail Haji Mutalib dan Exco-Exco Kerajaan Negeri.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Dato' Nafisah Ahmad serta Naib Canselor UPM, Professor Datin Paduka Dato' Dr Ainil Ideris, Sahibus Samahah Mufti Pahang, Dato' Sri Dr Haji Abdul Rahman Haji Osman, YDH Orang Kaya Indera Pahlawan Pahang, Dato' Sri Haji Wan Abdul Wahid Haji Wan Hassan, Kerabat Bergelar dan Ahli-Ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.











